

Kerangka Konsep Etika Pengucapan Politik Berasaskan Nilai Al-Quran dan Maqasid al-Shariah

Conceptual Framework of Ethical Political Communication Based on
Quranic Values and Maqasid al-Shariah

NURUL AIN WAHIDAH RAZALI & MUHAMAD FAISAL ASHA'ARI

ABSTRAK

Dalam landskap demokrasi moden, komunikasi politik menjadi alat utama dalam meraih sokongan pengundi. Namun, ia sering dicemari dengan fitnah, manipulasi fakta dan provokasi emosi yang bercanggah dengan nilai moral dan keharmonian sosial. Dalam konteks negara majoriti Muslim seperti Malaysia, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan suatu kerangka etika komunikasi politik yang selari dengan prinsip Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif normatif berbentuk konseptual yang berasaskan epistemologi Islam. Analisis dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran, hadis serta teks klasik dan kontemporari dalam bidang etika komunikasi dan pemikiran politik Islam. Proses pembinaan kerangka dilakukan melalui tiga fasa iaitu analisis teks, sintesis nilai dan pembinaan model konseptual. Hasil kajian merumuskan empat prinsip utama etika pengucapan politik Islam: (i) mematuhi hukum syarak, (ii) berkata benar, (iii) menjaga akhlak, dan (iv) berpaksikan maqāsid al-sharī'ah. Prinsip-prinsip ini menolak sebarang bentuk komunikasi berunsur kebencian, fitnah, atau manipulasi emosi, serta menekankan kepentingan perpaduan sosial, keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada pembangunan teori komunikasi dakwah politik Islam yang bersifat indigenous dan berakar pada nilai wahyu. Ia juga mencabar dominasi teori komunikasi Barat yang bersifat sekular dan pragmatik dengan mengetengahkan komunikasi politik sebagai medan dakwah yang menekankan integriti, kejujuran dan hikmah.

Kata kunci: Komunikasi politik, etika Islam, maqasid syariah, kempen pilihan raya, dakwah politik.

ABSTRACT

*In the landscape of modern democracy, political communication has become a primary tool for gaining voter support. However, it is often tainted by slander, factual manipulation, and emotional provocation that conflict with moral values and social harmony. In the context of Muslim-majority countries such as Malaysia, there is an urgent need to develop an ethical framework for political communication that aligns with Islamic principles. This study employs a normative qualitative approach in the form of a conceptual model grounded in Islamic epistemology. The analysis is based on Quranic verses, hadiths, as well as classical and contemporary texts in the fields of communication ethics and Islamic political thought. The framework is developed through three phases: textual analysis, value synthesis, and conceptual model construction. The findings conclude four main principles of Islamic political communication ethics: (i) adherence to Islamic law, (ii) truthfulness, (iii) moral conduct, and (iv) alignment with the *maqāṣid al-sharī'ah*. These principles reject all forms of hate speech, slander, or emotional manipulation, while emphasising the importance of social unity, justice, and societal well-being. This study makes a significant contribution to the development of an indigenous theory of Islamic political communication rooted in divine values. It also challenges the dominance of secular and pragmatic Western communication theories by positioning political communication as a form of *dakwah* that upholds integrity, truthfulness, and wisdom.*

Keywords: Political communication, Islamic ethics, *maqāṣid al-sharī'ah*, election campaign, political *da'wah*

Diterima: 25 April 2025
Diterima akhir: 15 Jun 2025

Disemak semula: 29 Mei 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

PENDAHULUAN

Dalam sistem demokrasi moden, pengucapan politik merupakan instrumen utama yang digunakan oleh calon dan parti politik untuk menyampaikan mesej, mempengaruhi persepsi awam dan meraih sokongan pengundi. Ia bukan sekadar medium penyampaian maklumat, bahkan menjadi medan pembentukan naratif, pengukuhan imej calon dan strategi membina kepercayaan dalam kalangan rakyat (Canel & Sanders, 2012; Denton, 2017). Melalui pengucapan politik, pemimpin menjelaskan agenda dan menonjolkan visi serta mengukuhkan identiti politik yang selari dengan aspirasi pengundi. Kajian lalu mendapati bahawa kempen politik yang berkesan sering bergantung kepada gabungan hujah rasional dan daya tarikan emosi yang disampaikan melalui retorik yang terancang dan

meyakinkan (Norris, 2000; Salman et al., 2018; Nazri & Mustaffa, 2024). Dalam usaha mempengaruhi khalayak, pendekatan seperti naratif peribadi, penggambaran musuh bersama, dan janji populis kerap digunakan untuk mencipta kesan psikologi dan membina hubungan emosional antara calon dan pengundi (Boyman & Jawan, 2022).

Namun begitu, dalam keghairahan meraih undi dan kempen politik, pengucapan politik dicemari oleh amalan yang tidak beretika. Fitnah, manipulasi fakta, ucapan kebencian dan janji-janji tidak berasas telah menjadi sebahagian daripada taktik komunikasi yang digunakan secara meluas dalam kempen pilihan raya, tanpa mengira kesannya terhadap kestabilan sosial dan keharmonian awam (Fairclough, 2000; Tapsell, 2023). Komunikasi yang bersifat provokatif, yang sarat dengan unsur *ad hominem*, retorik emosi yang melampau, serta penyalahgunaan simbol agama dan etnik semakin menghakis nilai profesionalisme dan kesantunan dalam arena politik (Saaida, 2023; Bennett & Livingston, 2018). Apabila unsur manipulatif ini berleluasa, ia bukan sahaja menjejaskan kualiti wacana politik, bahkan boleh menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi politik dan sistem demokrasi secara keseluruhan (Tandoc et al., 2018; Weiss, 2020).

Fenomena ini semakin membimbangkan dalam konteks Malaysia, terutamanya menjelang Pilihan Raya Umum (PRU), apabila penyebaran maklumat palsu dan propaganda digital melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp dijadikan senjata utama dalam perang persepsi politik (Tapsell, 2018; Nazri & Mustaffa, 2024). Perkembangan teknologi komunikasi yang pesat telah mempercepat dan memperluas capaian retorik tidak beretika ini, menjadikannya sukar dikawal dan semakin kompleks. Kajian menunjukkan bahawa komunikasi politik yang bersifat perkauman, ekstremis dan berunsur provokasi keagamaan boleh menimbulkan ketegangan sosial, memperdalamkan polarisasi masyarakat, dan menghakis kepercayaan terhadap institusi politik (Leong, 2015; Saaida, 2023). Ini menunjukkan bahawa politik moden, tanpa bimbingan nilai moral dan panduan etika, berisiko menjadi alat manipulasi emosi dan penipuan maklumat secara sistematik.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan etika komunikasi politik dari perspektif teori Barat seperti teori ruang awam (*public sphere*) (Habermas, 1989), teori propaganda (Herman & Chomsky, 2002), dan teori ekonomi emosi (Bakir & McStay, 2018), wacana ilmiah yang menggarap isu ini berasaskan nilai Islam masih terbatas dan kurang berkembang. Sebahagian besar literatur sedia ada hanya mengemukakan prinsip komunikasi Islam secara umum (Moten, 1993; Hamid Mowlana, 2007), tanpa menyentuh secara khusus mengenai pembinaan kerangka komunikasi politik Islam, khususnya dalam konteks kempen pilihan raya

moden. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan mencadangkan satu kerangka etika konseptual pengucapan politik berasaskan al-Quran dan maqāṣid al-sharī'ah. Kerangka ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada ahli politik Muslim untuk mengamalkan komunikasi yang lebih berintegriti, beradab dan membina sekali gus menyumbang kepada pembentukan budaya politik yang sihat, sistem demokrasi yang adil, dan masyarakat yang bersatu padu.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Pengucapan Politik

Pengucapan kempen politik merupakan suatu proses komunikasi yang kompleks, melibatkan pelbagai strategi retorik dan psikologi bagi mempengaruhi pandangan masyarakat serta meraih sokongan dalam pilihan raya. Ia tidak hanya berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat politik, tetapi turut membina naratif yang menyentuh emosi pengundi dan mencerminkan aspirasi rakyat (Norris, 2000). Melalui gaya pengucapan, bahasa tubuh dan interaksi sosial yang strategik, calon politik berusaha membina imej, mempengaruhi persepsi serta meraih kepercayaan awam (Canel & Sanders, 2012).

Kajian menunjukkan bahawa kejayaan sesuatu kempen politik sangat bergantung kepada beberapa faktor utama yang saling melengkapi. Faktor pertama ialah karisma dan personaliti calon, termasuk aspek integriti, empati dan kredibiliti yang dilihat secara langsung oleh pengundi (Aliyu & Omotosho, 2020; McAllister, 2007). Seterusnya, naratif politik yang kukuh, iaitu penjelasan menyeluruh berkenaan dasar dan hala tuju parti, membantu membentuk keyakinan terhadap keupayaan calon untuk menyelesaikan isu-isu semasa (Langer, 2011; Norris, 2000). Selain itu, penggunaan media secara strategik, merangkumi media tradisional dan digital, penting bagi memastikan mesej kempen sampai kepada semua segmen masyarakat (Salman et al., 2018; Strömbäck & Kaid, 2008). Di samping itu, gaya komunikasi yang jelas dan relevan meningkatkan daya penerimaan mesej kerana ia mudah difahami dan selari dengan aspirasi pengundi (Benoit, 2007; Jamieson & Campbell, 2001). Akhir sekali, mobilisasi sokongan melalui media sosial menjadi elemen utama dalam pembentukan wacana politik moden, dengan platform seperti Facebook, WhatsApp dan TikTok digunakan secara meluas untuk menyebarkan maklumat, membina sokongan, serta mempengaruhi tingkah laku politik (Boulianne, 2015; Tapsell, 2018, 2023).

Namun begitu, realiti kempen politik hari ini turut menyaksikan penyimpangan serius daripada prinsip etika komunikasi. Penyebaran

maklumat palsu, propaganda negatif, penggunaan bahasa kasar dan eksploitasi isu-isu sensitif seperti perkauman dan keagamaan sering digunakan sebagai strategi meraih sokongan atau mencetuskan ketakutan dalam kalangan pengundi (Saaida, 2023; Tapsell, 2023). Taktik seperti serangan peribadi, manipulasi fakta, dan pembentukan persepsi negatif terhadap lawan politik bukan sahaja menjejaskan integriti proses pilihan raya, tetapi juga berisiko mengganggu keharmonian sosial serta memperdalamkan polarisasi dalam masyarakat (Nazri & Mustaffa, 2024; Weiss, 2020).

Kajian oleh Allcott & Gentzkow (2017) pula mendapati bahawa strategi yang melanggar etika kadangkala lebih efektif dalam mempengaruhi keputusan pengundi, khususnya apabila ia menyentuh isu-isu bersifat emosional. Dalam konteks ini, terdapat dua aspek utama perlu diberi perhatian untuk memastikan pengucapan kempen politik kekal beretika: pertama, kaedah penyampaian mesej yang sopan, jujur dan bertanggungjawab; dan kedua, kandungan mesej yang selaras dengan prinsip etika komunikasi. Penekanan terhadap kedua-dua aspek ini penting bagi menjamin kempen pilihan raya berlangsung dalam suasana sihat dan berintegriti, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sosial serta kepercayaan rakyat terhadap sistem politik yang demokratik.

Cara Penyampaian Kempen Beretika

Penyampaian kempen yang beretika merujuk kepada cara mesej politik disampaikan dengan mematuhi prinsip kejujuran, kesopanan, dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks komunikasi politik, calon atau parti sewajarnya mengelakkan penggunaan bahasa kasar, fitnah, serangan peribadi serta retorik yang berunsur provokatif dan menghasut. Sebaliknya, mesej politik harus disampaikan secara profesional, berdasarkan fakta yang sah, dan dengan rasa hormat terhadap pihak lawan serta masyarakat umum (Jamieson & Cappella, 2008). Namun begitu, amalan di lapangan sering kali menyimpang daripada prinsip-prinsip ini. Antara penyimpangan yang paling ketara ialah penggunaan bahasa kasar dan provokatif yang bertujuan untuk mencetuskan emosi marah atau takut dalam kalangan pengundi. Kajian oleh Jamieson & Cappella (2008) menunjukkan bahawa retorik politik yang bersifat provokatif dan berunsur kebencian berpotensi memecahbelahkan masyarakat serta mencetuskan ketegangan sosial yang akhirnya boleh menggugat kestabilan politik negara.

Selain itu, janji-janji politik yang tidak realistik turut menjadi satu bentuk penyampaian kempen yang tidak beretika. Ahli politik sering kali menjanjikan pelbagai bentuk pembangunan besar-besaran atau pemansuhan cukai secara drastik tanpa justifikasi ekonomi yang kukuh, semata-mata

untuk meraih sokongan rakyat. Kajian oleh Boyman & Jawan (2022) menegaskan bahawa janji dalam manifesto pilihan raya mestilah bersifat praktikal dan boleh dilaksanakan. Kegagalan menunaikan janji bukan sahaja mencemarkan integriti calon, bahkan boleh mempengaruhi keputusan pengundi secara signifikan, terutamanya apabila janji tersebut bersifat emosional, menimbulkan harapan palsu atau mencetuskan ketakutan yang tidak berasas. Hal ini turut dibuktikan oleh kajian Awang Besar (2019) yang merumuskan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018 banyak dipengaruhi oleh kegagalan Barisan Nasional (BN) menunaikan janji-janji yang telah lama digembar-gemburkan sepanjang tempoh pemerintahan mereka.

Satu lagi isu yang meruntuhkan nilai penyampaian kempen yang beretika ialah eksploitasi isu perkauman dan keagamaan. Dalam banyak keadaan, ahli politik memperalatkan sentimen agama atau etnik untuk menimbulkan rasa takut, curiga atau kebencian dalam kalangan pengundi. Misalnya, dalam beberapa pilihan raya umum di Malaysia, naratif yang menekankan perbezaan etnik dan dominasi kaum tertentu digunakan untuk menanam rasa bimbang terhadap pihak lawan (Saaïda, 2023). Kajian oleh Sharif Adam (2014) terhadap PRU 1959, PRU 1964 dan PRU 1969 menunjukkan bahawa isu bahasa dimanipulasikan sebagai alat untuk meraih undi, yang akhirnya meretakkan hubungan antara kaum. Kajian ini membuktikan bahawa manipulasi emosi berasaskan identiti ini boleh mencetuskan polarisasi yang mendalam dalam masyarakat dan menghakis semangat perpaduan nasional.

Justeru, penyampaian kempen yang tidak beretika bukan sahaja menjejaskan kredibiliti calon dan parti politik, malah memberi implikasi besar terhadap kestabilan sosial, keharmonian antara kaum dan integriti sistem demokrasi secara keseluruhan.

Kesesuaian Kandungan dengan Etika Komunikasi

Kandungan kempen politik perlu mematuhi prinsip etika komunikasi yang berteraskan nilai kebenaran, kejujuran dan tanggungjawab sosial. Mesej yang disampaikan hendaklah bebas daripada unsur fitnah, pembohongan serta penyalahgunaan maklumat yang boleh menyesatkan atau memanipulasi pandangan pengundi. Kajian oleh Bakir & McStay (2018) mendapati bahawa penyebaran maklumat palsu sering dijadikan alat untuk menjatuhkan lawan politik, memutarbelitkan persepsi rakyat serta mengalihkan perhatian daripada isu-isu sebenar yang perlu diberi tumpuan dalam kempen pilihan raya. Sebagai contoh, semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) di Malaysia, isu skandal 1MDB dan dakwaan rasuah yang dikaitkan dengan Dato' Seri Najib Razak menjadi bahan utama kempen

pihak pembangkang. Naratif ini tersebar luas melalui media sosial, ceramah politik dan laporan antarabangsa, yang akhirnya memberikan kesan signifikan terhadap persepsi pengundi dan dikaitkan oleh sesetengah pengkaji sebagai antara faktor penyumbang kepada kekalahan BN (Welsh, 2016).

Salah satu bentuk kandungan yang paling menyalahi etika komunikasi ialah penyebaran berita palsu (*fake news*) dan propaganda digital yang bersifat fitnah. Dalam era digital hari ini, maklumat palsu tersebar dengan cepat melalui pelantar media sosial dan aplikasi pesanan seperti WhatsApp dan Facebook, yang sering dijadikan medium utama bagi propaganda politik (Tandoc et al., 2018). Fenomena ini tidak hanya berlaku di Malaysia, bahkan turut direkodkan dalam kajian antarabangsa melibatkan ahli politik di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Sweden dan Jepun. Kajian tersebut menunjukkan bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membentuk sikap politik pengundi, terutamanya dalam kalangan generasi muda (Mohamed @ Bakar, 2019).

Situasi yang sama turut berlaku dalam PRU15, di mana kempen politik sarat dengan tuduhan palsu, sentimen perkauman yang diperbesar-besarkan serta manipulasi video dan imej untuk mencipta persepsi negatif terhadap calon tertentu. Kajian Tapsell (2023) mengesahkan bahawa peningkatan penyebaran maklumat tidak sah melalui media sosial dalam kempen pilihan raya telah menimbulkan cabaran besar terhadap integriti sistem demokrasi dan kemampuan pengundi membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat. Fenomena ini secara jelas menunjukkan bahawa manipulasi kandungan kempen politik bukan sahaja menjejaskan reputasi individu atau parti tertentu, malah turut mencalar kredibiliti keseluruhan sistem politik negara. Oleh itu, mekanisme pemantauan terhadap kandungan kempen perlu diperkukuh, termasuk kawalan terhadap penyebaran maklumat palsu dan peneguhan etika komunikasi yang berasaskan kebenaran.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majoriti Muslim, keperluan untuk merujuk kepada prinsip komunikasi politik Islam menjadi lebih penting. Ini kerana, kempen politik dalam perspektif Islam bukan sekadar medan untuk meraih kuasa, tetapi juga dianggap sebagai instrumen dakwah yang bertujuan membimbing masyarakat dengan nilai-nilai kebenaran, keadilan dan hikmah. Maka, kandungan kempen politik hendaklah sentiasa mencerminkan tanggungjawab moral dan syarak agar dapat menyumbang kepada kestabilan politik dan perpaduan masyarakat secara menyeluruh.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif normatif berbentuk konseptual yang berteraskan epistemologi Islam bagi membangunkan satu kerangka etika komunikasi politik berdasarkan al-Quran dan hadis. Kaedah kajian melibatkan tiga fasa utama: (i) analisis teks terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan komunikasi, kepimpinan, keadilan dan akhlak; (ii) sintesis tema nilai-nilai komunikasi Islam seperti *ṣidq* (kejujuran), *‘adl* (keadilan), *amānah* (tanggungjawab), serta prinsip *maqāṣid al-sharī‘ah*; dan (iii) pembinaan konsep, di mana prinsip-prinsip yang diperoleh daripada sumber wahyu ini dihubungkan dengan realiti semasa pengucapan politik dalam kempen pilihan raya. Sumber primer Islam tersebut dipadankan dengan karya-karya ilmiah klasik dan kontemporari dalam bidang pemikiran politik Islam dan etika komunikasi bagi membentuk satu kerangka konseptual yang merangkumi empat prinsip utama: pematuhan terhadap hukum syarak, penyampaian berasaskan kebenaran, pengucapan yang berakhlak, dan penajajaran terhadap *maqāṣid*. Kerangka ini bertujuan menjadi panduan kepada pengamal politik Muslim agar pengucapan mereka kekal berintegriti, membina dan berasaskan nilai Islam, meskipun dalam suasana persaingan politik yang sengit.

DAPATAN KAJIAN

Dalam perspektif Islam, pengucapan politik bukan sekadar alat untuk menyampaikan maklumat atau meraih sokongan, bahkan merupakan satu amanah yang membawa tanggungjawab besar di sisi agama. Islam menekankan prinsip kejujuran (*ṣidq*), keadilan (*‘adl*), dan adab dalam komunikasi, termasuk dalam konteks kempen politik. Sebarang bentuk komunikasi yang bersifat fitnah, manipulasi fakta, atau hasutan kebencian adalah bertentangan dengan asas komunikasi Islam yang berlandaskan kebenaran dan keadilan. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَى مَا
فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (٦)

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, jika seorang fasik datang kepadamu membawa berita penting, maka telitilah kebenarannya agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum karena ketidaktahuanmu yang mengakibatkan kamu menyesali perbuatanmu itu.* (Surah Al-Hujurat, 49:6)

Ayat ini memberi amaran tegas kepada orang beriman agar tidak menerima sebarang maklumat tanpa siasatan, khususnya apabila datang daripada sumber yang diragui. Ia menekankan kewajipan meneliti kebenaran sesuatu berita, bagi mengelakkan tindakan yang berasaskan sangkaan dan membawa kepada kezaliman atau penyesalan. Dalam konteks pengucapan politik, ayat ini menyeru agar maklumat yang disebarkan oleh ahli politik disemak, agar tidak menimbulkan fitnah terhadap individu atau kelompok lain dalam masyarakat. Menurut Moten (1993), komunikasi politik menurut Islam perlu mengutamakan kejujuran dan tanggungjawab sosial, bebas daripada unsur pembohongan dan eksploitasi emosi yang boleh memecah-belahkan masyarakat. Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik dalam hal ini apabila baginda berkomunikasi secara berhikmah, mengelakkan penghinaan terhadap lawan, dan menyampaikan mesej melalui hujah yang berasaskan fakta serta nilai moral. Islam turut melarang keras penyebaran maklumat palsu (*ifk*), adu domba (*namimah*) dan penggunaan bahasa kesat yang mencetuskan kebencian serta perpecahan sosial, sebagaimana ditegaskan dalam banyak ayat al-Quran dan hadis.


Pengucapan politik menurut Islam juga mesti berlandaskan akhlak mulia. Akhlak bukan sekadar cerminan peribadi seseorang pemimpin, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap kredibiliti dan integriti kepimpinannya. Islam menekankan kepentingan *qaulan sadīdan* (kata-kata yang lurus dan benar), *qaulan balīghan* (kata-kata yang jelas dan menyentuh hati), serta *qaulan layyīnan* (kata-kata yang lemah lembut) sebagai panduan komunikasi yang baik. Dalam konteks politik, ini bermakna setiap pemimpin perlu memilih kata-kata dengan hikmah, mengelakkan cacian, provokasi, atau sindiran yang boleh menimbulkan kemarahan, kebencian atau permusuhan dalam kalangan masyarakat.

Dalam kerangka maqāṣid al-sharī‘ah, pengucapan politik bukan sekadar dinilai dari sudut teknik atau strategi, tetapi dari sudut matlamat dan kesan jangka panjang terhadap masyarakat. Maqāṣid syariah menetapkan bahawa setiap ucapan, dasar atau tindakan politik mestilah menjurus kepada penjagaan lima perkara utama yang menjadi asas kesejahteraan manusia: agama (*dīn*), nyawa (*naḥs*), akal (*‘aql*), keturunan (*nasl*) dan harta (*māl*). Oleh itu, sebarang bentuk pengucapan yang mencetuskan permusuhan, menggalakkan ekstremisme, menanam kebencian antara kaum atau memanipulasi sentimen agama demi kepentingan politik jangka pendek adalah bertentangan dengan maqāṣid.

Berdasarkan analisis terhadap sumber-sumber wahyu dan penulisan ilmiah Islam kontemporari, artikel ini merumuskan bahawa pengucapan politik menurut Islam harus dibina atas empat prinsip utama berikut:

1. **Mematuhi hukum Islam** – memastikan setiap ucapan tidak melanggar larangan syarak seperti fitnah, penipuan dan hasutan.
2. **Berlandaskan kebenaran** – semua kenyataan dan janji politik perlu berpaksikan fakta sahih dan bukan manipulasi.
3. **Berlandaskan akhlak** – gaya bahasa, nada dan pendekatan komunikasi mesti selaras dengan adab Islam.
4. **Berlandaskan maqāṣid syariah** – setiap ucapan perlu mendorong kepada kemaslahatan dan perpaduan, bukan perpecahan.

Keempat-empat prinsip ini menjadi kerangka utama yang digunakan dalam artikel ini bagi membentuk konsep pengucapan politik yang selari dengan Islam dan ia boleh digunakan untuk membimbing amalan pengucapan politik dalam kalangan pemimpin Muslim masa kini. Keempat prinsip ini ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Pengucapan Politik dalam Islam

Keempat-empat prinsip ini membentuk asas kepada komunikasi politik yang adil, harmoni dan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh. Berikut adalah penjelasan pada setiap satu prinsip di atas:

Mematuhi Hukum Islam

Dalam kerangka Islam, setiap Muslim terikat dengan hukum syariah yang mengatur setiap aspek kehidupan termasuk pertuturan dan komunikasi, sama ada dalam ruang peribadi mahupun awam. Hukum ini merangkumi lima kategori utama iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram – yang

secara langsung membentuk batasan terhadap apa yang boleh atau tidak boleh diucapkan dalam konteks politik. Oleh itu, pengucapan politik tidak terlepas daripada peraturan ini. Ketaatan kepada hukum Islam bukan hanya kewajiban bagi setiap individu, tetapi juga satu bentuk tanggungjawab sosial dan moral.

Dalam konteks komunikasi politik, berkata benar adalah wajib, manakala berbohong, memfitnah, memanipulasi maklumat dan menghasut kebencian adalah haram (al-Qaradawi, 1998). Komunikasi politik yang beretika menuntut nilai kejujuran, keadilan, amanah dan tanggungjawab sebagai prinsip asas dalam penyampaian mesej. Oleh itu, kenyataan, janji dan manifesto yang dikeluarkan oleh ahli politik Muslim mestilah berpaksikan fakta yang sahih dan tidak bersifat manipulatif, sekalipun dalam persaingan sengit politik. Sejarah Islam memberi contoh paling ideal melalui kepimpinan Rasulullah SAW, khususnya dalam penyusunan Piagam Madinah. Dokumen ini merupakan perjanjian politik antara pelbagai kelompok masyarakat di Madinah yang diasaskan atas prinsip keadilan, perpaduan dan saling menghormati. Baginda tidak pernah mengamalkan ucapan berunsur penghinaan terhadap musuh politik, sebaliknya menggunakan pendekatan hujah yang rasional dan berhikmah. Pengajaran daripada pendekatan ini jelas menunjukkan bahawa retorik politik dalam Islam wajib mengelakkan unsur provokasi dan fitnah.

Kegagalan mematuhi prinsip-prinsip ini telah memberi kesan besar dalam sejarah moden. Sebagai contoh, dalam konteks antarabangsa, retorik anti-Islam yang digunakan oleh sesetengah calon semasa pilihan raya Presiden Perancis 2022 menunjukkan bagaimana ucapan politik yang tidak berasaskan fakta boleh menjejaskan perpaduan sosial dan mengancam integriti demokrasi. Calon seperti Marine Le Pen telah mencadangkan larangan pemakaian tudung di tempat awam dan menggambarkan komuniti Muslim sebagai ancaman terhadap identiti nasional Perancis. Naratif seperti ini bukan sahaja membangkitkan ketakutan awam tanpa asas yang kukuh, tetapi juga menanam bibit kebencian yang menggalakkan polarisasi masyarakat (Chrisafis, 2024). Kempen yang memainkan isu agama dan perkauman telah mencetuskan ketegangan dalam kalangan masyarakat minoriti Muslim dan membawa kepada kebimbangan mengenai “lingkaran kebencian” yang semakin melebar. Fenomena ini jelas bertentangan dengan prinsip maqasid syariah yang menuntut pemeliharaan keharmonian sosial (*hifz al-nafs* dan *hifz al-'ird*) serta menghindari retorik yang mencetuskan permusuhan antara kelompok masyarakat yang berbeza.

Peristiwa ini membuktikan bahawa komunikasi politik yang tidak berpaksikan kebenaran boleh membawa kepada bencana geopolitik, pembunuhan massa dan pencabulan hak kemanusiaan. Senario ini juga wujud dalam konteks Malaysia. Menjelang pilihan raya, penyebaran

maklumat palsu melalui media sosial sering dijadikan senjata politik untuk menjatuhkan lawan, memburukkan reputasi dan memecah-belahkan masyarakat. Kajian oleh Tapsell (2023) menunjukkan bahawa manipulasi fakta dan fitnah digital menjadi salah satu ciri utama kempen pilihan raya di Malaysia mutakhir ini. Fenomena ini bukan sahaja mencemarkan demokrasi, tetapi juga menyuburkan budaya politik yang dicemari oleh penyebaran sentimen dan persepsi tidak berasas.

Kesimpulannya, mematuhi hukum Islam dalam pengucapan politik adalah prasyarat kepada pembinaan masyarakat yang beretika, demokratik dan berintegriti. Pengabaian terhadap prinsip ini hanya akan menjurus kepada penyalahgunaan maklumat, manipulasi emosi awam, dan ketidakstabilan sosial yang merugikan umat secara keseluruhan.

Berlandaskan Kebenaran

Kejujuran (al-ṣidq) merupakan tonggak utama dalam komunikasi politik menurut perspektif Islam. Dalam konteks politik, berkata benar bukan sekadar satu sifat mulia, tetapi tanggungjawab syarie dan sosial yang menentukan kredibiliti dan integriti kepimpinan. Ahli politik bukan hanya dituntut untuk menyampaikan mesej, tetapi wajib memastikan bahawa maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan sahih. Kebenaran dalam komunikasi bukan sahaja menjadi kayu ukur akhlak peribadi, tetapi turut menentukan kestabilan dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik secara keseluruhan. Al-Quran menekankan kepentingan berkata benar dalam Surah Al-Ahzab, ayat 70:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (٧٠)

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar.

Ayat ini bukan sekadar seruan ke arah kebenaran, malah merupakan peringatan langsung bahawa ketakwaan kepada Allah berkait rapat dengan integriti komunikasi. Ungkapan *qaulan ṣadīdan* membawa makna ucapan yang lurus, tepat, dan membina – jauh daripada unsur kebohongan, penipuan atau retorik yang bersifat memanipulasi.

Rasulullah SAW yang digelar *al-Amīn* (yang dipercayai), memperlihatkan contoh tertinggi integriti dan kejujuran, bukan hanya dalam kehidupan peribadi tetapi juga dalam kepimpinan dan urusan politik. Kejujuran baginda menjadi asas kepercayaan masyarakat terhadap Islam, menunjukkan bahawa kredibiliti seorang pemimpin bergantung kepada kebenaran dalam pertuturannya. Dalam hal ini, ahli politik Muslim

sewajarnya mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan fakta dan maklumat dengan penuh tanggungjawab (Aliyu & Omotosho, 2020). Kajian Allcott & Gentzkow (2017) dan Tapsell (2023) membuktikan bahawa dalam beberapa kempen politik, strategi manipulasi fakta dan penipuan sering digunakan untuk membentuk persepsi awam, sama ada untuk menjatuhkan lawan atau meraih sokongan jangka pendek. Strategi ini bukan sahaja bertentangan dengan nilai Islam, malah merosakkan asas demokrasi dan meruntuhkan sistem politik yang adil. Ia menggambarkan bagaimana pembohongan yang sistematik boleh menjadi sebahagian daripada alat dominasi politik, sekali gus mencemarkan integriti proses pilihan raya. Fenomena ini diburukkan lagi oleh ledakan media sosial yang memudahkan penyebaran berita palsu dan maklumat tidak disahkan. Wardle & Derakhshan (2017) menegaskan bahawa politik kebencian di media digital sering bersandarkan kepada naratif palsu yang direka untuk mencetuskan kemarahan, menimbulkan kebimbangan, dan melemahkan kepercayaan terhadap fakta. Ketika kejujuran diketepikan, etika hilang nilai dan politik menjadi alat manipulasi massa. Dari perspektif Islam, kelalaian dalam berkata benar bukan sahaja merupakan pelanggaran akhlak, tetapi juga tanda kemunafikan sebagaimana dijelaskan dalam hadis Nabi SAW:

"Tanda-tanda orang munafik itu ada tiga: apabila bercakap, dia berdusta; apabila berjanji, dia mengingkari; dan apabila diberi amanah, dia mengkhianati." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Maka jelaslah bahawa kejujuran dalam komunikasi politik adalah kewajiban agama, bukan pilihan strategi. Ia merupakan asas kepada pembentukan budaya politik yang beretika, berintegriti dan mampu memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pemimpin. Sikap ini juga menjadi asas kepada pembinaan tadbir urus yang telus, yang selari dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* dalam menjaga maruah dan maslahat masyarakat.

Berlandaskan Akhlak

Pengucapan politik yang berakhlak tinggi adalah refleksi keperibadian seorang pemimpin Muslim yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap isi mesej yang disampaikan, tetapi juga terhadap cara dan gaya penyampaian. Dalam tradisi Islam, adab pertuturan memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian sosial dan membina keyakinan khalayak terhadap integriti pemimpin. Bahasa yang sopan, berhemah dan membina bukan sahaja mencerminkan kemuliaan akhlak, malah mampu menenangkan suasana politik dan mendorong kepada penyelesaian secara

hikmah. Firman Allah dalam Surah Taha, ayat 44, yang menegaskan kepentingan bertutur dengan kata-kata yang baik:

قُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ (٤٤)

Maksudnya: Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut.

Ayat ini merujuk kepada arahan kepada Nabi Musa dan Harun agar berbicara dengan Firaun secara lembut. Ini memberi asas kepada prinsip “*qaulan layyinan*” sebagai pendekatan komunikasi politik Islam, walaupun terhadap musuh yang zalim. Ini menunjukkan bahawa dalam apa jua bentuk komunikasi – termasuk dalam konteks politik – pendekatan yang bersopan adalah tuntutan syarak, bukan semata-mata pilihan retorik. Dalam realiti masyarakat majmuk seperti Malaysia, pengucapan yang kasar, menghina atau berunsur provokasi boleh mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama. Ucapan yang mengandungi fitnah, provokasi kaum atau eksploitasi agama bukan sahaja merosakkan hubungan sosial, malah berpotensi menjejaskan kestabilan nasional terutamanya apabila sentimen perkauman atau agama digunakan untuk kepentingan politik. Sebaliknya, penggunaan bahasa yang beradab dan inklusif boleh mencetuskan dialog yang sihat, memperkukuh semangat kebersamaan, dan mengurangkan polarisasi politik.

Kajian oleh Nazri & Mustaffa (2024) menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang sopan dan menghormati lawan politik dapat membantu membina ruang politik yang lebih matang dan menyatukan pengundi dari pelbagai latar belakang. Ini sejajar dengan dapatan Denton (2017) yang menegaskan bahawa gaya pertuturan yang beradab menandakan kematangan intelektual dan tanggungjawab moral seorang pemimpin. Dalam konteks politik moden yang semakin didorong oleh media sosial, penggunaan bahasa provokatif sering kali diguna pakai untuk mencetuskan sensasi dan menarik perhatian, namun ia juga menyumbang kepada peningkatan politik kebencian (Jamieson, 2018). Tambahan pula, kajian sosiopolitik mendapati bahawa pengundi yang berpendidikan tinggi lebih cenderung menyokong pemimpin yang berakhlak, menggunakan bahasa yang santun, dan menolak ucapan yang berasaskan sentimen negatif. Ini menunjukkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga indikator keperibadian dan kredibiliti kepimpinan. Rasulullah SAW sendiri adalah contoh teladan dalam penggunaan bahasa yang baik, walaupun berhadapan dengan musuh yang keras kepala dan mencera. Baginda memilih ungkapan yang berhikmah dan penuh kasih sayang, serta menjauhi sindiran dan celaan yang boleh mencetuskan permusuhan. Maka, pemimpin Muslim masa kini perlu mencontohi akhlak Rasulullah SAW, bukan sahaja dalam tindakan, tetapi juga dalam tutur kata mereka.

Akhlak dalam pengucapan politik bukanlah elemen pelengkap, tetapi satu keperluan syarie yang mempunyai implikasi langsung terhadap kestabilan politik dan kesejahteraan masyarakat. Bahasa yang membina, inklusif dan sopan menjadi medium untuk menyemai perpaduan dan keyakinan, manakala bahasa yang provokatif hanya mengundang perpecahan dan krisis kepercayaan. Oleh itu, pemimpin politik Muslim wajib menjadikan akhlak sebagai asas utama komunikasi politik, sejajar dengan prinsip Islam dan tuntutan masyarakat demokratik yang matang.

Berlandaskan Maqasid

Setiap tindakan dan pertuturan manusia termasuk dalam politik perlu ditujukan kepada pemeliharaan kemaslahatan umum (*maṣlahah ‘āmmah*) dan penghindaran kemudaratan (*mafsadah*). Salah satu aspek terpenting dalam komunikasi politik ialah berlaku adil dalam pertuturan, termasuk ketika memberi kritikan terhadap pihak lawan. Islam menekankan bahawa keadilan dalam ucapan bukan sahaja membina budaya politik yang sihat, malah menjaga keharmonian sosial dan menghindari fitnah serta perpecahan. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
(٥٨)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. (Surah An-Nisa, ayat 58)

Ayat ini menegaskan prinsip keadilan dan amanah dalam setiap bentuk urusan masyarakat, termasuk dalam ucapan dan kritikan politik. Dalam Islam, sikap adil merupakan asas penting dalam komunikasi politik yang berlandaskan maqasid syariah. Keadilan dalam ucapan politik bukan sahaja memastikan ketelusan dalam berkomunikasi tetapi juga membantu memelihara kemaslahatan umum (*maṣlahah ammah*) dan mengelakkan konflik yang boleh merosakkan hubungan antara individu atau kelompok masyarakat. Ahli politik perlu memastikan kritikan yang dibuat terhadap pihak lawan adalah adil dan berlandaskan bukti bukannya tuduhan melulu atau fitnah yang boleh menjejaskan integriti politik (Shahreza, 2018). Kritikan yang dilontarkan berasaskan bukti dan fakta, bukan tuduhan melulu yang boleh merosakkan reputasi serta menimbulkan fitnah.

Dalam Islam, sikap menghindari provokasi dan hasutan merupakan kewajiban moral dan politik. Retorik yang membakar sentimen perkauman atau keagamaan demi mendapatkan sokongan bukan sahaja bertentangan dengan maqasid syariah, bahkan berbahaya kepada perpaduan nasional. Kajian menunjukkan bahawa ucapan provokatif yang mengeksploitasi identiti etnik dan agama boleh mencetuskan konflik yang berpanjangan dan menghakis kepercayaan sosial (Saaida, 2023). Tapsell (2018) dan Kanasan (2023) turut mencatat bahawa dalam konteks politik Malaysia, taktik sebegini sering digunakan, terutamanya menjelang pilihan raya. Segala bentuk perkauman dan taasub identiti yang sering digunakan sebagai strategi politik perlu ditolak kerana bercanggah dengan prinsip Islam yang menegakkan kesamarataan dan keadilan. Sebaliknya, ia menyeru kepada prinsip takwa dan kesaksamaan sebagai asas kemuliaan manusia, satu nilai yang amat penting dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Tambahan pula, Islam meletakkan tanggungjawab besar kepada individu terhadap setiap ucapan yang dilontarkan. Komunikasi politik yang tidak berpaksikan ilmu dan keadilan akan membawa kepada krisis kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan. Pemimpin yang sering mengeluarkan kenyataan yang tidak berasaskan fakta boleh mencetuskan ketidakstabilan politik dan sosial, serta menjejaskan legitimasi demokrasi. Oleh itu, prinsip maqasid menuntut agar pengucapan politik dipandu oleh nilai pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), akal (*ḥifẓ al-‘aql*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), maruah (*ḥifẓ al-‘ird*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*) sebagai asas pembinaan masyarakat yang aman, adil dan bertamadun.

IMPLIKASI KAJIAN

Artikel ini membawa implikasi penting terhadap pembangunan teori komunikasi dakwah politik Islam dengan menawarkan satu kerangka etika konseptual yang berpaksikan nilai-nilai wahyu. Dalam konteks realiti komunikasi politik kontemporari yang sering dipenuhi unsur manipulatif, retorik kebencian dan fitnah digital, penegasan terhadap prinsip-prinsip seperti *ṣidq* (kebenaran), *‘adl* (keadilan), *amānah* (tanggungjawab) dan *maqāsid* syariah memperkuat keperluan untuk membentuk teori komunikasi politik yang bersifat Islamik dan berasaskan masalah. Kerangka ini bukan sekadar menjadi panduan praktikal, tetapi juga memperluas horizon teori dakwah politik kepada suatu bentuk komunikasi yang berfungsi sebagai wahana mendidik, membimbing dan menyatukan masyarakat. Sehubungan itu, kerangka ini menjawab jurang dalam teori sedia ada yang cenderung kepada pendekatan sekular dan berorientasikan kemenangan politik semata-mata tanpa mengambil kira kesan moral dan sosial. Kajian Moten (1993) dan Hamid Mowlana (2007) turut menegaskan

bahawa komunikasi dalam Islam bersifat dakwah dan membawa misi pembentukan peribadi serta peradaban masyarakat. Maka, komunikasi politik Muslim yang selari dengan prinsip syariah bukan sahaja mampu memperkukuh kredibiliti calon di mata pengundi, tetapi turut berperanan membentuk budaya politik yang sihat dan berakhlak. Ini memberikan asas yang kukuh untuk pembangunan satu model komunikasi dakwah politik yang menekankan keseimbangan antara strategi dan nilai spiritual, selari dengan tuntutan Surah al-Nahl ayat 125 mengenai pendekatan dakwah yang berhikmah dan berlemah lembut.

Di samping itu, kerangka ini membuka ruang untuk memartabatkan epistemologi Islam sebagai kerangka induk dalam membentuk teori komunikasi politik yang lestari dan bermaruah. Dalam wacana teori Barat, seperti public sphere oleh Habermas (1989) dan teori propaganda oleh Herman dan Chomsky (2002), komunikasi politik banyak tertumpu kepada rasionaliti sekular dan kepentingan kuasa, tanpa mengambil kira dimensi kerohanian, etika ilahiah dan maqasid syariah. Pendekatan tersebut, apabila diaplikasikan dalam konteks politik Muslim, gagal menangani permasalahan seperti penyebaran berita palsu, kebencian antara kaum dan eksploitasi simbol agama yang semakin berleluasa (Tapsell, 2023; Saaida, 2023). Maka, kerangka yang dibangunkan dalam artikel ini memberi asas kepada penghasilan teori komunikasi dakwah politik yang tidak hanya bersifat responsif terhadap konteks lokal Malaysia, malah bersifat transformational, iaitu mengembalikan fungsi asal komunikasi sebagai alat untuk menyampaikan kebenaran dan memperkukuh perpaduan sosial. Pendekatan ini selari dengan pandangan al-Qaradawi (1998) yang menegaskan bahawa syariat Islam bertujuan memelihara lima maqasid utama—agama, nyawa, akal, keturunan dan harta—yang juga perlu dijadikan penanda aras dalam komunikasi politik. Oleh itu, artikel ini memberikan sumbangan teori yang signifikan, iaitu dengan menjadikan nilai-nilai Islam sebagai asas analisis dan intervensi dalam wacana politik, sekali gus memperkukuh teori dakwah politik yang bersifat holistik, adil dan berpaksikan kesatuan ummah.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pengucapan politik dalam konteks Islam perlu berpaksikan empat prinsip utama, iaitu pematuhan terhadap hukum Islam, penyampaian berlandaskan kebenaran, pengucapan yang berakhlak, dan penjajaran kepada maqāṣid al-sharī'ah. Empat prinsip ini menjadi asas pembentukan kerangka etika komunikasi politik Islam yang bukan sekadar berfungsi untuk meraih kuasa, tetapi juga sebagai instrumen dakwah dan pembentukan peradaban masyarakat. Kajian ini menunjukkan bahawa amalan komunikasi politik yang tidak beretika seperti fitnah, manipulasi

fakta, dan ucapan berunsur kebencian telah mencetuskan krisis kepercayaan, ketegangan sosial dan polarisasi masyarakat, khususnya dalam kempen pilihan raya di Malaysia.

Kekuatan utama artikel ini ialah pendekatannya yang berpaksikan epistemologi Islam, menggunakan sumber utama seperti al-Quran, hadis serta teks klasik dan kontemporari untuk membentuk satu kerangka konseptual yang bersifat indigenous. Kajian ini juga memberikan sumbangan teori yang signifikan dengan mencabar dominasi teori komunikasi Barat yang cenderung bersifat sekular dan pragmatik. Tambahan pula, kerangka ini bukan sahaja relevan dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama, tetapi juga menawarkan pendekatan komunikasi yang bersifat menyatu, mendidik dan membina budaya politik yang lebih berakhlak dan harmoni.

Namun begitu, antara kelemahan yang boleh dikenalpasti ialah keterbatasan kajian ini yang berbentuk konseptual tanpa melibatkan kajian lapangan (empirik) untuk menilai sejauh mana prinsip yang dicadangkan ini diaplikasikan dalam kempen politik sebenar. Kajian ini memberi tumpuan kepada pemimpin Muslim, tetapi tidak merumuskan strategi praktikal untuk mendepani realiti politik semasa yang bersifat kompetitif dan sering diwarnai oleh retorik provokatif. Justeru, kajian lanjut secara kualitatif atau kuantitatif boleh dijalankan untuk menilai keberkesanan kerangka ini dalam konteks sebenar politik Malaysia.

PERNYATAAN ETIKA

Tiada

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penulis memberikan penghargaan kepada para pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan kerana memberi pandangan dan kritikan membina terhadap draft awal artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Nurul Ain Wahidah Razali bertanggungjawab merangka idea asal kajian, reka bentuk metodologi dan penulisan draf awal artikel. Muhamad Faisal

Ashaari membuat semakan literatur, suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel ini.

RUJUKAN

- Aliyu, M. T., & Omotosho, A. O. 2020. Exposition of Islamic Ethics of Political Campaign and Its Applicability in Nigeria. *Ilorin Journal of Religious Studies (IJOURLS)*10(1), 1–16.
- Allcott, H., & Gentzkow, M. 2017. Social Media and Fake News in the 2016 Election. *Journal of Economic Perspectives* 31(2), 211–236. <https://doi.org/10.1257/jep.31.2.211>
- Al-Qaradawi, Y. 1998. *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Awang Besar, J. 2019. Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4), 220–232. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-16>
- Bakir, V., & McStay, A. 2018. Fake News and The Economy of Emotions. *Digital Journalism* 6(2), 154–175. <https://doi.org/10.1080/21670811.2017.1345645>
- Bennett, W. L., & Livingston, S. 2018. The disinformation order: Disruptive communication and the decline of democratic institutions. *European Journal of Communication* 33(2), 122–139. <https://doi.org/10.1177/0267323118760317>
- Benoit, W. L. 2007. *Communication in Political Campaigns*. New York: Peter Lang.
- Boulianne, S. 2015. Social media use and participation: a meta-analysis of current research. *Information, Communication & Society* 18(5), 524–538. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2015.1008542>
- Boyman, S. N., & Jawan, J. A. 2022. Manifesto Parti Politik Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan* 14(2), 44–58. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.4.2022>
- Canel, M. J., & Sanders, K. 2012. *Government Communication: An Emerging Field in Political Communication Research*. In *The SAGE Handbook of Political Communication* (pp. 85–96). London: SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.4135/9781446201015.n8>
- Chrisafis, A. 2024. Macron told 'people detest you' as far right bids to be biggest party in France. *The Guardian*, 29 Jun. Dicapai pada 15 Mei 2026 dari

<https://www.theguardian.com/world/article/2024/jun/29/macron-told-people-detest-you-as-far-right-bids-to-be-biggest-party-in-france>

- Denton, R. E. 2017. *Political Campaign Communication: Theory, Method, and Practice*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield Publishing Group.
- Fairclough, N. 2000. *New Labor, New Language?* (1st ed.). London: Routledge.
- Mowlana, H. 2007. *Theoretical Perspectives on Islam and Communication*. *China Media Research*, 3(4), 23–33.
- Jamieson, K. H. 1992. *Dirty Politics: Deception, Distraction and Democracy*. London: Oxford University Press.
- Jamieson, K. H., & Campbell, K. K. 2001. *The Interplay of Influence: News, Advertising, Politics, and The Internet* (6th ed.). Belmont, CA, USA: Thomson Wadsworth.
- Jamieson, K. H., & Cappella, J. N. 2008. *Echo Chamber: Rush Limbaugh and the Conservative Media Establishment*. London: Oxford University Press.
- Kanasan, M. 2023. Malaysia's 15th General Election Saga: Crisis and Party Politics in 2022. *Southeast Asian Media Studies Journal* 5(2), 1–19.
- Langer, A. I. 2011. *The Personalisation of Politics in the UK: Mediated Leadership from Attlee to Cameron*. Manchester University Press.
- Leong, P. 2015. Political Communication in Malaysia: A Study on the Use of New Media in Politics. *EJournal of EDemocracy & Open Government (JeDEM)* 7(1), 46–71. <http://www.jedem.org>
- McAllister, I. 2007. *The Personalization of Politics*. In R. J. Dalton & H.-D. Klingemann (Eds.), *The Oxford Handbook of Political Behavior* (pp. 571–588). London: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199270125.003.0030>
- Mohamed @ Bakar, B. A. 2019. *Media Sosial dalam PRU-13 dan Impaknya terhadap Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moten, A. R. 1993. *Islamic Political Thought and Ethics*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).
- Nazri, N., & Mustaffa, N. 2024. Pengaruh Literasi Media Dalam Meningkatkan Penyertaan Politik Pengundi Muda Semasa PRU15. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 26(1), 33–58. <https://doi.org/10.22452/jpmm.vol26no1.3>
- Norris, P. 2000. *A Virtuous Circle: Political Communications in Postindustrial Societies*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Saaida, M. 2023. The Role of Social Media in Shaping Political Discourse and Propaganda. *Science for All Publications* 2, 1–8. <https://doi.org/10.5281/zenodo.10841870>
- Salman, A., Yusoff, M. A., Mohamad Salleh, M. A., & Hj Abdullah, M. Y. 2018. Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3, 51–63. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp51-63>
- Shahreza, M., & Yana, K. El. 2018. *Etika Komunikasi Politik*. Indigo Media. <https://doi.org/10.31227/osf.io/hmvrh>
- Sharif Adam, S. D. 2014. Isu Bahasa Kebangsaan dalam Pilihan Raya Umum 1959, 1964 dan 1969 di Semenanjung Malaysia. *MANU* 21, 1–34.
- Strömbäck, J., & Kaid, L. L. (Eds.). 2008. *The Handbook of Election News Coverage Around the World* (1st ed.). London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203887172>
- Tandoc, E. C., Lim, Z. W., & Ling, R. 2018. Defining “Fake News”. *Digital Journalism*, 6(2) 137–153. <https://doi.org/10.1080/21670811.2017.1360143>
- Tapsell, R. 2018. The Smartphone as the ‘Weapon of the Weak’: Assessing the Role of Communication Technologies in Malaysia’s Regime Change. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37(3), 9–29. www.ssoar.info
- Tapsell, R. 2023. Social Media and Malaysia’s 2022 Election: The Growth and Impact of Video Campaigning. *Pacific Affairs* 96(2), 303–321. <https://doi.org/10.5509/2023962303>
- Wardle, C., & Derakhshan, H. 2017. *Information Disorder: Toward an interdisciplinary framework for research and policy making*. Strasbourg: Council of Europe. Council of Europe report DGI(2017)09.
- Weiss, M. L. 2020. *The Convoluting Political Path to Malaysia*. In *The Roots of Resilience: Party Machines and Grassroots Politics in Southeast Asia* (pp. 48–76). Cornell University Press. <https://doi.org/10.7591/cornell/9781501750045.003.0003>
- Welsh, B. (Ed.). 2016. *The End of Umno? Essays on Malaysia’s Dominant Party*. Kuala Lumpur: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

SENARAI PENGARANG

Nurul Ain Wahidah Razali (Penulis Penghubung)
Pelajar Sarjana
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi
Selangor, Malaysia
E-mel: p132543@siswa.ukm.edu.my

Dr. Muhamad Faisal Ashaari
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi
Selangor, Malaysia
E-mel: faisal@ukm.edu.my